



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

JAS BATU PAHAT TAHAN OPERASI KILANG CETAK BAJU YANG MENYEBABKAN AIR BERWARNA DI KAMPUNG SUNGAI SULOH, BATU PAHAT, JOHOR

BATU PAHAT, 31 Mei 2020 – Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor telah mengambil tindakan penahanan operasi sebuah premis yang menjalankan kerja percetakan baju secara manual menggunakan cat pelbagai warna sebagai bahan mentah di kawasan Taman Industri Wawasan, Jalan Tanjung Laboh, 83000 Batu Pahat, pada 29 Mei 2020.

Premis ini mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Perbandaran Batu Pahat. Tindakan siasatan ini dijalankan berdasarkan aduan orang awam dan penduduk kampung pada hari yang sama. Siasatan dijalankan bersama wakil penduduk kampung dan juga pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sedang menjalankan rondaan di kawasan tersebut.

Pasukan penyiasat JAS Cawangan Batu Pahat menjalankan siasatan dengan menyusuri parit dan hasil pemantauan mendapati terdapat kesan cat berwarna biru di longkang belakang premis berkenaan. Pemeriksaan lanjut mendapati ada aktiviti di premis yang berpotensi boleh menyebabkan pelepasan air berwarna iaitu aktiviti cucian papan cetak dan cuci tangan pekerja yang terus dialirkan ke longkang.

JAS telah mengambil tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan penstoran cat yang digunakan sebagai bahan utama dalam kerja percetakan. Dalam pada itu, **premis berkenaan telah dikenakan kompaun bagi kesalahan pengurusan Buangan Terjadual**. Notis Arahan juga telah dikeluarkan kepada premis untuk mengambil tindakan pembaikan serta memastikan tiada sebarang pelepasan efluen tanpa dirawat sebelum dilepaskan ke longkang atau parit awam.


Pemantauan susulan yang dijalankan pada 30 Mei 2020 di sungai tersebut mendapati keadaan sungai telah kembali pulih dan tiada lagi kesan pencemaran yang kelihatan. JAS meneruskan pemantauan rapi ke atas tindakan pembaikan yang telah diarahkan ke atas pihak premis.

Orang ramai digesa untuk membantu JAS dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

-TAMAT-



KEADAAN SUNGAI BERWARNA BIRU



PENAHANAN OPERASI KAWASAN BAHAN MENTAH DAN PAIP PEEPASAN DARI KAWASAN CUCIAN



KEADAAN SUNGAI SULOH BATU PAHAT TELAH KEMBALI PULIH. GAMBAR DIAMBIL PADA 30 MEI 2020.